

Kemahiran

Bertulis

A

Sistem Bahasa

Jenis-jenis Ayat

Nota SMART

Terdapat empat jenis ayat, iaitu ayat nyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan.

Ayat Nyata

Ayat untuk memberikan keterangan tentang sesuatu perkara. Contoh:

- Bas ke Teluk Piatu bernombor 232.
- Tawaran ini sah sehingga 20 Mac 2020.

Ayat Tanya

Ayat untuk menanyakan sesuatu perkara. Contoh:

- Bilakah Koridor Raya Multimedia Malaysia ditubuhkan?
- Surat khabar hari ini mana?

Ayat Perintah

Ayat perintah ialah ayat yang berbentuk suruhan, larangan, sila, atau permintaan. Contoh:

- Sila beri saya sekeping gambar berukuran pasport.
- Lina, tolong jawab panggilan telefon itu.

Ayat Seruan

Ayat seruan ialah ayat untuk menggambarkan sesuatu perasaan seperti terkejut, marah, mengejek, sakit, takut, dan lain-lain. Contoh:

- Wah, tajam sungguh pisau ini!
- Ah, saya tidak mahu campur tangan!

Ayat Majmuk

Ayat majmuk terdiri daripada beberapa ayat tunggal. Oleh itu, ayat majmuk terdiri lebih daripada satu subjek atau lebih daripada satu predikat.

Contoh: (a) Amirul diberi pujian.

(b) Amirul diberi penghargaan.

(c) Amirul menyelamatkan seorang budak lelaki daripada lemas.

- Amirul diberi pujian dan penghargaan kerana menyelamatkan seorang budak lelaki daripada lemas.

Praktis PT3 Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Aduhai, pembelot rupanya lelaki itu!
 - II Tolong jangan berbuat bising di sini.
 - III Buku di atas meja itu kepunyaan siapa?
 - IV Zali melontar batu itu ke dalam kolam dengan sekuat hati.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
- I Apakah nama pekerja baharu itu?
 - II Aduh, aku terlupa untuk menyiapkan latihan Matematik!

III Permohonan ayah untuk membeli rumah kos rendah itu tidak berjaya.

IV Sila lengkapkan borang ini dan serahkannya pada hari Selasa ini.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II, dan III sahaja

D II, III, dan IV sahaja

3. I Aduhai, ambillah wang ini untuk membayar ubat itu!

II Siapakah yang terlibat dengan kes salah laku itu?

III Aduhai, lama sungguh aku tidak menziarahi kedua-dua orang tuaku!



- IV Dalam pertandingan itu, Alia berlari dengan bersungguh-sungguh.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I "Sediakan laporan minit mesyuarat itu dengan segera," kata Encik Hashim kepada Mila.
II Bagaimanakah kamu membahagikan masa antara belajar dengan bersukan?
III Wah, tingginya bangunan pejabat ini!
IV "Tolong maaf, kaunter pendaftaran sudah ditutup," kata urus setia itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
5. I Jemputlah ke majlis kesyukuran di rumah saya pada hari Sabtu ini.
II Harap Encik Kamarul dapat bersabar apabila menerima berita ini.
- III Amboi, kamu telah dinobatkan sebagai Tokoh Murid pada tahun ini!
IV Mangsa-mangsa kebakaran itu ditempatkan di manakah?
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
6. I Aduhai, malang sungguh nasib mangsa-mangsa gempa bumi itu!
II Pak Mail memulangkan dompet penumpang yang tertinggal di dalam teksinya.
III "Sila jemput makan hidangan di atas meja itu," pelawa ibu.
IV Bagaimanakah tindakan yang perlu diambil untuk membanteras gejala rasuah?
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Nyatakan ayat-ayat di bawah ini sama ada ayat penyata, ayat seruan, ayat perintah, atau ayat tanya.

1. Ketua murid di sekolah kamu siapa?

2. Syabas, kamu memang layak memegang jawatan pengurus pemasaran!

3. Kem motivasi itu diadakan untuk memperkukuh jati diri remaja.

4. Minta hadirin masuk ke dalam dewan kerana ceramah akan dimulakan sebentar lagi.

5. Perbuatan rasuah haruslah kita hindari demi keharmonian dan kemajuan negara.
